



UniKL
UNIVERSITI
KUALA LUMPUR



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
LUAR BANDAR

MARA
CORPORATION



TEKS UCAPAN

YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR
BANDAR

MAJLIS PERASMIAN
FORUM TENAGA LESTARI
MENCAPAI NEUTRAL KARBON
MENJELANG 2050
&
PELANCARAN PROJEK PEMBINAAN
UNIKL SUSTAINABLE ENERGY LIVING
LAB

27 JULAI 2022 (RABU)
UNIKL BRITISH MALAYSIAN INSTITUTE
(BMI)

TERIMA KASIH SAUDARA / SAUDARI
PENGACARA MAJLIS.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SALUTASI SEWAJARNYA

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

SALAM KELUARGA MALAYSIA DAN SALAM
SEJAHTERA.

PENDAHULUAN

1. TERLEBIH DAHULU, MARILAH KITA MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DI ATAS LIMPAH KURNIA DAN IZIN-NYA JUA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA DALAM FORUM TENAGA LESTARI ANJURAN UNIKL BRITISH MALAYSIAN INSTITUTE DENGAN KERJASAMA SUSTAINABLE ENERGY DEVELOPMENT AUTHORITY (SEDA) MALAYSIA PADA HARI INI.

2. SAYA DIMAKLUMKAN BAHAWA FORUM INI MERUPAKAN JULUNG KALI DIADAKAN OLEH UNIKL BMI DAN TERIMA KASIH SAYA UCAPKAN KEPADA SEDA MALAYSIA KERANA SUDI BEKERJASAMA BAGI MENJAYAKAN

FORUM INI. SAYA RASA PENGANJURAN FORUM INI AMAT PENTING SEKALI MEMANDANGKAN ISU PERUBAHAN IKLIM KINI MERUPAKAN KRISIS GLOBAL SERTA BERKAIT RAPAT DENGAN RISIKO BENCANA ALAM.

PERUBAHAN IKLIM & PEMANASAN GLOBAL

HADIRIN YANG DIKASIHI SEKALIAN,

3. APABILA KITA MEMBINCANGKAN TENTANG PERUBAHAN IKLIM, IA MERUJUK KEPADA PERUBAHAN JANGKA PANJANG DALAM SUHU DAN CORAK CUACA. PERALIHAN INI MUNGKIN SECARA SEMULAJADI TETAPI APA YANG LEBIH MENDUKACITAKAN IALAH HAKIKAT DI MANA AKTIVITI

MANUSIA TELAH MENJADI
PENYUMBANG UTAMA KEPADA
BERLAKUNYA PERUBAHAN IKLIM.

4. INI DISEBABKAN TERUTAMANYA
OLEH PEMBAKARAN BAHAN API FOSIL
SEPERTI ARANG BATU, MINYAK DAN
GAS YANG MENGHASILKAN PELEPASAN
GAS RUMAH HIJAU YANG BERTINDAK
SEPERTI SELIMUT YANG MEMBALUTI
BUMI, DENGAN ITU MEMERANGKAP
HABA MATAHARI DAN MENINGKATKAN
SUHU. PUNCA UTAMA PELEPASAN INI
DATANG DARIPADA PENGGUNAAN
BAHAN API PADA KENDERAAN ATAU
PEMBAKARAN ARANG BATU UNTUK
PENJANAAN ELEKTRIK. JIKA KITA
BERTERUSAN TIDAK MENGAMBIL

TINDAKAN TERHADAP PELEPASAN INI, IANYA TELAH TERBUKTI AKAN MENAMBAH KEPADA PEMANASAN GLOBAL.

5. PEMANASAN GLOBAL KINI MENJADI SALAH SATU ANCAMAN TERBESAR KEPADA MANUSIA SELAIN DARIPADA WABAK PENYAKIT SEPERTI COVID 19. SELURUH DUNIA DAPAT MENYAKSIKAN SENDIRI BAGAIMANA PEMANASAN GLOBAL INI MENDATANGKAN MALAPETAKA DI DUNIA. PENINGKATAN SUHU SECARA BERTERUSAN TELAH MENYEBABKAN KEBAKARAN HUTAN YANG SEMAKIN KERAP DI NEGARA SEPERTI AMERIKA SYARIKAT DAN AUSTRALIA SELAIN RIBUT PETIR,

TANAH RUNTUH DAN BENCANA LAIN YANG KINI MUSTAHIL UNTUK DIABAIKAN. BEBERAPA NEGARA DI EROPAH KINI JUGA SEDANG BERHADAPAN DENGAN GELOMBANG HABA DAN CUACA PANAS YANG MELAMPAU.

SITUASI DI MALAYSIA

HADIRIN YANG DIKASIHI SEKALIAN,

6. KITA DI MALAYSIA JUGA MENGALAMI CUACA YANG TIDAK MENENTU. KINI LEBIH SUKAR UNTUK DIRAMALKAN BILA BERMULANYA MUSIM HUJAN DAN MUSIM KEMARAU DI MALAYSIA. KITA JUGA TURUT MENGALAMI SECARA LANGSUNG KESAN PERUBAHAN IKLIM, MISALNYA DI

LEMBAH KLANG DI MANA KITA KINI LEBIH TERDEDAH KEPADA BANJIR KILAT.

7. DALAM PENYELIDIKAN TERBARU MENUNJUKKAN BAHAWA JIKA PEMANASAN GLOBAL BERTERUSAN, 7.4 JUTA ORANG DI BANDAR TERBESAR DUNIA AKAN TERDEDAH KEPADA BANJIR KILAT YANG TERUK DALAM TEMPOH TIGA DEKAD AKAN DATANG DAN KUALA LUMPUR ADALAH SALAH SATU BANDAR YANG BERADA DALAM SENARAI PEMERHATIAN.

MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN

HADIRIN YANG DIKASIHI SEKALIAN,

8. MENYEDARI TENTANG ANCAMAN PERUBAHAN IKLIM DAN PEMANASAN GLOBAL, MASYARAKAT ANTARABANGSA TELAH BERSATU DAN BERSETUJU UNTUK BEKERJASAMA DALAM MENANGANI MASALAH INI. PADA 25 SEPTEMBER 2015, PERHIMPUNAN AGUNG PBB MENERIMA PAKAI AGENDA 2030 UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN DAN MENGENAL PASTI 17 MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOAL (SDG) SEBAGAI RANCANGAN TINDAKAN UNTUK MENAMATKAN KEMISKINAN, MELINDUNGI BIOSFERA PLANET DAN

MEMASTIKAN KEMAKMURAN UNTUK SEMUA.

9. DARIPADA 17 MATLAMAT INI, DUA DARIPADA MATLAMAT ITU ADALAH BERKAIT DENGAN FORUM KITA PADA HARI INI. DUA MATLAMAT TERSEBUT IALAH SDG 7 IAITU TENAGA BERSIH DAN MAMPU MILIK DAN SDG 13 UNTUK PERUBAHAN IKLIM.

10. PERJANJIAN PARIS, YANG DITERIMA PAKAI PADA 2015 ITU, BERTUJUAN UNTUK MENGUKUHKAN TINDAK BALAS GLOBAL TERHADAP ANCAMAN PERUBAHAN IKLIM DENGAN MENGEKALKAN KENAIKAN SUHU GLOBAL ABAD INI JAUH DI BAWAH 2 DARJAH CELSIUS DI ATAS PARAS PRA-

INDUSTRI. PERJANJIAN ITU BERTUJUAN UNTUK MENGUKUHKAN KEUPAYAAN NEGARA UNTUK MENANGANI KESAN PERUBAHAN IKLIM, MELALUI ALIRAN KEWANGAN YANG SESUAI, RANGKA KERJA TEKNOLOGI BAHARU DAN RANGKA KERJA PEMBINAAN KAPASITI YANG DIPERTINGKATKAN.

11. ASPEK TERPENTING DALAM SDG 7 DAN SDG 13 IALAH PERANAN TENAGA LESTARI. TENAGA LESTARI MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MENGURANGKAN PELEPASAN KARBON DIOKSIDA BAGI MEMBANTU MENANGANI KESAN PERUBAHAN IKLIM DAN PEMANASAN GLOBAL. MALAH IA BUKAN SAHAJA MEMERANGI

PERUBAHAN IKLIM, TETAPI JUGA MENGGALAKKAN PEMULIHAN EKONOMI TERUTAMANYA SELEPAS PANDEMIK COVID 19 DENGAN MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN DALAM BIDANG EKONOMI BAHARU. APABILA KITA BERCAKAP TENTANG TENAGA LESTARI, IANYA MENJURUS KEPADA TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI DAN TEKNOLOGI KECEKAPAN TENAGA.

12. TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI BERKAIT RAPAT TENTANG USAHA UNTUK MENJANA TENAGA ELEKTRIK DARIPADA SUMBER YANG BOLEH DIPERBAHARUI. MANAKALA TEKNOLOGI KECEKAPAN TENAGA PULA BERKAIT

DENGAN CARA OPTIMUM UNTUK MENGGUNAKAN TENAGA YANG DIJANA.

INISIATIF NEGARA

HADIRIN YANG DIKASIHI SEKALIAN,

13. SEBAGAI SALAH SATU DARI 169 NEGARA DI DUNIA YANG MEMETERAI PERJANJIAN PARIS, KERAJAAN MALAYSIA KOMITED UNTUK MENGURANGKAN GAS RUMAH HIJAU SEBANYAK 45% MENJELANG 2030.

14. DENGAN PENGELUARAN TENAGA MENJADI SALAH SATU PENYUMBANG TERBESAR KEPADA PELEPASAN KARBON DIOKSIDA NEGARA, KERAJAAN MALAYSIA TELAH MEMBANGUNKAN DASAR TENAGA NEGARA YANG

MENYASARKAN UNTUK MENCAPAI 20% CAMPURAN KAPASITI TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI MENJELANG 2025.

15. SETAKAT 2021, TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI MENYUMBANG 18% KEPADA CAMPURAN TENAGA MALAYSIA, YANG DIKUASAI OLEH TEKNOLOGI KUASA HIDRO, YANG MENYUMBANG 86% DARIPADA KAPASITI TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI. DAN AKHIRNYA UNTUK MENCAPAI SIFAR KARBON PADA TAHUN 2050.

17. SEJARAH PERJALANAN TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI DI MALAYSIA BERMULA DENGAN KELULUSAN AKTA TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI DAN

PENUBUHAN SUSTAINABLE ENERGY DEVELOPMENT AUTHORITY (SEDA) MALAYSIA PADA TAHUN 2011. BERMULA DENGAN INISIATIF “ FEED-IN TARIFF” HINGGALAH YANG TERBARU KEPADA “NET ENERGY METERING (NEM) 3”.

18. SATU LAGI PERKEMBANGAN PENTING BAGI MALAYSIA DALAM MENCAPAI SASARAN TENAGA BOLEH DIPERBAHARUINYA IALAH DALAM PENINGKATAN PANEL SOLAR MAMPU MILIK UNTUK ISI RUMAH MALAYSIA. DI SEBALIK KENAIKAN KOS PEMBUATAN PV SOLAR BARU-BARU INI AKIBAT PANDEMIK COVID 19, JIKA DILIHAT KEMBALI PADA DEKAD YANG LALU, SISTEM SOLAR SEBENARNYA TELAH

MENGALAMI PENURUNAN KOS SEBANYAK 85%. DI TAMBAH PULA PENINGKATAN YANG KETARA DALAM KECEKAPAN PENJANAAN PANEL SOLAR DARIPADA 2% PADA TAHUN 1955 KEPADA LEBIH 20% HARI INI.

19. SEBAGAI PENGELUAR PANEL SOLAR KEEMPAT TERBESAR DI DUNIA, MALAYSIA MEMPUNYAI KELEBIHAN DAYA SAING UNTUK MENDORONG LEBIH BANYAK PENJANAAN TENAGA SOLAR PADA MASA HADAPAN.

20. TAMBAHAN PULA, INISIATIF TERBARU DALAM RANCANGAN MALAYSIA KE-11 MENGETENGAHKAN KREDIT CUKAI KARBON, DIMANA SYARIKAT YANG MEMBAKAR BAHAN API

FOSIL AKAN DIKENAKAN CUKAI MENGIKUT ISIPADU ATAU BERAT PELEPASAN. DENGAN PELAKSANAAN CUKAI INI, SYARIKAT PERNIAGAAN DAN INDUSTRI AKAN TERPANGGIL UNTUK MELAKUKAN AMALAN MAMPAN BAGI MENGELAK KOS INI.

INISIATIF KEMENTERIAN

HADIRIN YANG DIKASIHI SEKALIAN,

21. FORUM TENAGA LESTARI PADA HARI INI ADALAH SELARAS DENGAN PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH KPLB BAGI MENYUMBANG KEPADA SDG KE 7 DAN SDG KE 13. KPLB AMAT SERIUS DALAM MEMASTIKAN NEGARA MENCAPAI KARBON SIFAR PADA TAHUN 2050. SETAKAT INI, KPLB MEMBERI

TUMPUAN KHUSUS DALAM DUA BIDANG.

22. YANG PERTAMA ADALAH DI BAWAH PROGRAM BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR (BELB) DI MANA IA MELIPUTI KAEDAH ALTERNATIF SEPERTI SISTEM HIBRID SOLAR KHUSUSNYA BAGI PENDUDUK LUAR BANDAR. OBJEKTIF BELB ADALAH UNTUK MEMBEKALKAN BEKALAN ELEKTRIK KEPADA RUMAH DI KAMPUNG TRADISI YANG TERLETAK DI LUAR KAWASAN, DI BAWAH KENDALIAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DI SELURUH NEGARA TERMASUK RUMAH PANJANG DI KAWASAN TERPENCIL SABAH DAN SARAWAK, KAMPUNG ORANG ASLI DI SEMENANJUNG

MALAYSIA, KAMPUNG DI PULAU-PULAU DAN PENEMPATAN DI ESTET-ESTET KECIL YANG BERKELUASAN KURANG DARIPADA 400 HEKTAR.

23. PROGRAM BELB DILAKSANAKAN MELALUI 2 KAEDAH: PERTAMA, MELALUI KAEDAH PENYAMBUNGAN TALIAN GRID DARIPADA SUMBER PIHAK BERKUASA ELEKTRIK NEGERI (PBEN) IAITU TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB), SABAH ELECTRICITY SDN. BHD (SESB) DAN SARAWAK ENERGY BERHAD (SESCO). KAWASAN TERPENCIL YANG TERLALU JAUH DAN TIDAK BOLEH DISAMBUNGAN KE TALIAN GRID AKAN MENERIMA BEKALAN ELEKTRIK MELALUI KAEDAH ALTERNATIF SEPERTI

MELALUI TENAGA SOLAR, SET
PENJANA, HIBRID SOLAR DAN
SEUMPAMANYA.

24. BIDANG KEDUA DI MANA KPLB
MEMAINKAN PERANANNYA IALAH
DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN.
UNTUK ITU, KEMENTERIAN MELALUI
MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA),
MENYEDIAKAN PELBAGAI JENIS
LATIHAN DARI PERINGKAT SIJIL DAN
DIPLOMA HINGGALAH KE PERINGKAT
IJAZAH SARJANA MUDA SERTA PASCA
IJAZAH DI UNIVERSITI KUALA LUMPUR
(UNIKL), KHUSUSNYA UNIKL BRITISH
MALAYSIAN INSTITUTE (UNIKL BMI).

25. UNTUK MENAMBAH BILANGAN MODAL INSAN YANG CEKAP DALAM INDUSTRI TENAGA LESTARI, UNIKL BMI TELAH MEMBANGUNKAN DAN MENAWARKAN PROGRAM BAHARU YANG DINAMAKAN SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (TENAGA LESTARI).

26. SELEPAS TAMAT PENGAJIAN DARI PROGRAM INI PELAJAR BUKAN SAHAJA MENERIMA IJAZAH SARJANA MUDA, TETAPI JUGA AKAN MENERIMA DUA SIJIL PROFESIONAL IAITU SIJIL PROFESSIONAL KECEKAPAN TENAGA DAN SIJIL REKABENTUK SISTEM PV BERSAMBUNG GRID.

27. SAYA PERCAYA PROGRAM INI AKAN MELAHIRKAN GRADUAN SEDIA INDUSTRI SERTA SEDIA PASARAN. DAN MENJADI HARAPAN SAYA AGAR PIHAK INDUSTRI AKAN MENERIMA DAN MENGIKTIRAF TENAGA MAHIR INI DENGAN MEMBERI GAJI YANG SETIMPAL DENGAN KEPAKARAN MEREKA.

BANGUNAN UNIKL SUSTAINABLE ENERGY LIVING LAB

HADIRIN YANG DIKASIHI SEKALIAN,

28. BAGI MEMANTAPKAN LAGI AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PELAJAR, KERAJAAN TELAH MELULUSKAN SEBANYAK 12.5 JUTA RINGGIT MALAYSIA DI BAWAH PROJEK

RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMKE-11) UNTUK PEMBINAAN BANGUNAN TIGA TINGKAT YANG BERKONSEPKAN “SUSTAINABLE ENERGY LIVING LAB”. BANGUNAN INI BOLEH DIGUNAKAN OLEH PELAJAR UNTUK TUJUAN EXPERIMENTASI DAN LATIHAN PRAKTIKAL MEREKA.

29. CIRI UNIK BANGUNAN INI IALAH IANYA AKAN MENJADI BANGUNAN AKADEMIK TENAGA SIFAR BERSIH YANG PERTAMA DI MALAYSIA. INI KERANA FOTOVOLTAIK BERSEPADU BANGUNAN (BIPV) YANG DIPASANG PADA BANGUNAN INI AKAN MENJANA TENAGA ELEKTRIK YANG MENCUKUPI

UNTUK MENAMPUNG PENGGUNAAN TENAGA YANG DIGUNAKAN.

30. BANGUNAN INI JUGA DIHARAPKAN DAPAT MENYEDIAKAN PERSEKITARAN YANG KONDUSIF UNTUK PENYELIDIK UNIKL MEMBUAT KAJIAN DALAM BIDANG TENAGA DIPERBAHARUI DAN KECEKAPAN TENAGA SERTA DALAM PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR.

31. INI AKAN DAPAT MEMBANTU KPLB MENYELESAIKAN MASALAH TEKNIKAL DALAM PROGRAM BELB SERTA BAGI MENJALANKAN KAJIAN DASAR UNTUK KPLB. SAYA PERCAYA DENGAN PEMBINAAN BANGUNAN INI, UNIKL BMI BOLEH MENJADI PAKAR PERUNDING

KEPADA KEMENTERIAN DALAM MEMASTIKAN KEJAYAAN PROGRAM BELB.

32. UNIKL BMI JUGA BOLEH DILANTIK SEBAGAI HAB PENDIDIKAN UNTUK MENTAULIAHKAN PEGAWAI TEKNIKAL DARI SEMUA INSTITUSI KEMAHIRAN TVET KPLB DALAM USAHA MELAHIRKAN LEBIH RAMAI PAKAR DALAM SISTEM SOLAR DAN KECEKAPAN TENAGA. USAHA INI AKHIRNYA AKAN DAPAT MENYUMBANG KEPADA SASARAN KARBON SIFAR NEGARA.

PENUTUP

HADIRIN YANG DIKASIHI SEKALIAN,

33. SAYA BERHARAP AGAR FORUM TENAGA LESTARI YANG DIANJURKAN BERSAMA OLEH UNIKL BMI DAN SEDA MALAYSIA INI AKAN DAPAT DIJADIKAN SEBAGAI FORUM TAHUNAN SERTA MENJADI PLATFORM PENTING UNTUK MENYOKONG USAHA KERAJAAN DALAM MENCAPAI KARBON SIFAR MENJELANG 2050.

34. AKHIR KATA, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA PIHAK UNIKL BMI, SEDA MALAYSIA DAN SEMUA PIHAK YANG TELAH TERLIBAT DALAM

PENGANJURAN SULUNG FORUM
TENAGA LESTARI INI.

35. DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ
BISMILLAHIRAHMANIRAHIM, SAYA
DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN
FORUM TENAGA LESTARI INI.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH
WASSALAMMUALAIKUM
WARAHMAHTULLAHIWABARAKATUH.